









[General](#)

UMP terima sumbangan 1.4 juta untuk Tabung Endowmen MyGift

18 July 2018

Pekan, 18 Julai- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sebanyak RM1,401,174 menerusi hasil sumbangan zakat dan wakaf daripada badan korporat iaitu sebanyak RM546,420. Manakala sebanyak RM854,754 berjaya dikumpulkan atas inisiatif pelbagai jabatan di universiti ini bersempena Majlis Apresiasi MyGift yang berlangsung di Dewan Bankuet UMP Pekan hari ini.

Dalam majlis ini UMP menerima sumbangan zakat pelajar sebanyak 70 ribu bagi membantu pelajar UMP yang mempunyai masalah kewangan dalam pengajian mereka dan 50 ribu untuk wakaf pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah yang bakal menempatkan mahasiswa dalam kalangan anak yatim dan asnaf. Sumbangan disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Etika Family Takaful Berhad, Zafri Ab. Halim kepada Pengurus Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad diiringi Naib Canselor UMP, Prof. Dato Sri. Ts.Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Hadir sama menyampaikan sumbangan, Pegawai Ekonomi Kanan, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Izhar Ahmad, Pengurus Bisnes Tenaga Nasional Berhad, Razman Abas, Pengurus Wilayah Pantai Timur MBSB Berhad, Zam Zuri Izani Abu Hassan, Pengarah Eksekutif Yayasan Harmoni, Datuk Haji Mohd. Radzuan Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff. Lain-lain pihak yang menyumbang adalah Maybank Islamic Berhad, Sapura Secured Technologies Sdn. Bhd, Bank Islam Malaysia Berhad, UMW Holdings, UMP Holdings dan I & P Group Sdn Bhd.

Menurut Dato' Sri Ibrahim, majlis ini merupakan satu bentuk penghargaan terhadap sinergi, sumbangan dan kerjasama bermakna antara UMP dan rakan-rakan strategiknya dalam menjayakan inisiatif MyGift di Universiti ini dalam pengimaran ekosistem endowmen, wakaf, zakat dan sedekah dalam konteks pengupayaan insaniah dan pembangunan infrastruktur bukan sahaja untuk warga UMP, tetapi juga masyarakat umum.

"Sesuai dengan semangat "Pilihlah Untuk Berkongsi" yang mendasari inisiatif MyGift, maka UMP sentiasa mengalu-alukan penglibatan pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta, pertubuhan sukarela dan para dermawan untuk turut menghulurkan sumbangan tunai, material atau tenaga bagi menjayakan pelbagai aktiviti berkaitan," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Dalam pada itu, Prof. Dato' Sri Ts.Dr. Daing Nasir berkata, MyGift merupakan antara instrumen penyelesaian kreatif yang sedikit sebanyak membantu UMP menyalurkan pelbagai insentif dan bantuan sama ada dalam bentuk projek pengupayaan insaniah atau pembangunan infrastruktur yang memberi manfaat bukan sahaja kepada warga Universiti ini tetapi juga masyarakat umum.

Selain itu, sejak pelancaran MyGift pada tahun 2016 sehingga ke hari ini, UMP telah berjaya mengagihkan sejumlah RM4.826 juta dalam bentuk pelbagai insentif, bantuan dan projek kepada pelbagai kelompok penerima manfaat dari dalam dan luar Universiti ini, termasuklah mereka yang kurang bernasib baik di luar Malaysia.

Beliau berharap rakan-rakan strategik MyGift yang sedia ada dapat terus mengekalkan kerjasama dengan UMP dan meneroka peluang kerjasama dengan organisasi lain yang berpotensi menjadi rakan strategik baharu. Usaha ini menampakkan hasil pelaksanaan program lain yang telah dilaksanakan UMP seperti Skim Bantuan Insentif Pendidikan, Kongsi Rezeki, Food For All, kupon makanan, Ifthar Jama'ie Ramadan dan pengagihan zakat agar dapat terus dilestarikan. Ini termasuklah projek transformasi komuniti setempat yang dinamakan Facelift Kuala Pahang yang dimulakan sejak tahun 2017 dan kini telah memasuki fasa keduanya.

Kerjasama UMP dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bagi membangunkan Kolej Kediaman Mawaddah di kampus UMP Pekan terus berjalan dan kutipan kini dana wakaf bagi pembinaan asrama yang berharga RM4 juta tersebut ialah RM876 ribu. Semoga sumbangan ini dapat diteruskan pada masa akan datang oleh syarikat-syarikat korporat lain bagi memastikan nasib golongan pelajar kurang berkemampuan terus mendapat perhatian pada masa akan datang.

-
- 136 views

[View PDF](#)